

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : Y.B. TUAN LARRY SOON@LARRY SNG
WEI SHIEN
[JULAU]**

SOALAN NO. 223

Y.B. TUAN LARRY SOON@LARRY SNG WEI SHIEN [JULAU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah peruntukan Kerajaan Persekutuan menurut pecahan Kementerian yang telah dibelanjakan untuk kawasan Parlimen Julau pada tahun 2018 dan berapakah jumlah peruntukan Kerajaan Persekutuan menurut pecahan Kementerian yang telah diluluskan untuk kawasan Parlimen Julau pada tahun ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan pembangunan (DE) yang diluluskan bagi kawasan Parlimen Julau pada tahun 2018 adalah sebanyak RM8.0 juta manakala perbelanjaan pembangunan pada tahun 2018 pula mencatatkan sebanyak RM3.0 juta. Selain itu, peruntukan pembangunan yang diluluskan untuk kawasan Parlimen Julau bagi tahun 2019 adalah berjumlah RM12.5 juta, seperti berikut:

Bil.	Nama Projek	RM
1.	PROJEK MESRA RAKYAT KAWASAN PARLIMEN JULAU	2,000,000
2.	JALAN DARI SIMPANG BALAK KE SK ULU ENTABAI, NANGA KEMALIH, JULAU, SARAWAK	400,000
3.	MEMBINA JALAN DI NG. MAONG / KLINIK NG. MAONG / SK NG. JU / RUMAH GERASI / RUMAH MENGIRING, ULU JU, SARAWAK	100,000
4.	PROJEK JIWA MURNI - PROJEK MENAIK TARAF SIMPANG JALAN BALAK KE JALAN SK NANGA JAMBU, JULAU, SARAWAK	1,000,000
5.	PEMBINAAN KLINIK KESIHATAN (JENIS 6) DENGAN KUARTERS NANGA KEMALIH, SARIKEI, SARAWAK	9,000,000
	JUMLAH	12,500,000